

PENEMUAN AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)

LAPORAN KETUA JURUAUDIT AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR ISO 14001:2004 TAHUN 2016

1. TARIKH AUDIT

Audit dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia 2016 telah dijalankan pada 23 hingga 26 Mei 2016.

2. TUJUAN AUDIT

Untuk menentukan sama ada Universiti Putra Malaysia;

- a. melaksanakan Pengurusan Alam Sekitar berdasarkan keperluan standard ISO 14001:2004 dengan efektif selaras dengan Dasar Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia serta objektif dan sasaran sistem pengurusan alam sekitar Universiti Putra Malaysia; dan
- b. bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan Semakan Kedua oleh badan pensijilan.

3. RUJUKAN AUDIT

- a. ISO 14001:2004
- b. Dokumentasi EMS Universiti Putra Malaysia
- c. Akta dan Peraturan berkaitan
- d. Rujukan lain yang dinyatakan dalam Manual/Prosedur

4. KAEDAH AUDIT

- a. Penelitian terhadap Manual/Prosedur
- b. Lawatan tempat (*site visit*)
- c. Pemerhatian ke atas aktiviti
- d. Temu bual
- e. Semakan dokumen dan rekod

5. SKOP AUDIT

Skop audit adalah meliputi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan semua Fakulti, Pusat Asasi Sains Pertanian, Taman Pertanian Universiti dan Peneraju Proses EMS.

6. KUMPULAN AUDIT

Terdiri daripada 50 orang Juruaudit yang mempunyai kelayakan untuk mengaudit Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Pasukan audit telah dibahagikan kepada tiga kumpulan besar iaitu A, B dan C.

7. PROGRAM AUDIT DALAMAN

Program Audit Dalaman telah disediakan Pusat Jaminan Kualiti Universiti Putra Malaysia dan disahkan oleh Wakil Pengurusan Universiti Putra Malaysia.

8. PENEMUAN AUDIT

Kekuatan

- (a) Pengalaman Universiti dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) semenjak tahun 2000 banyak membantu dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS). Bantuan juruaudit-juruaudit universiti yang berpengalaman juga dilihat membantu universiti melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).
- (b) Komitmen pihak Pengurusan Universiti juga dilihat sangat baik dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).
- (c) Penubuhan Pusat Jaminan Kualiti dilihat dapat memberi impak positif kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS). Dengan penubuhan pusat ini, sistem-sistem pengurusan kualiti di UPM dapat ditadbir urus dengan berpusat, terancang dan teratur.
- (d) UPM mempunyai staf teknikal dari pelbagai bidang dan kepakaran yang membantu dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

Kelemahan

- (a) Kesedaran berkenaan menyayangi alam sekitar masih di tahap yang rendah. Budaya kerja yang mempertimbangkan aspek dan impak kepada alam sekitar masih kurang. Pemahaman staf UPM terhadap skop EMS dan pencemaran alam sekitar perlu dipertingkatkan.


- (b) Skop EMS yang telah ditentukan masih boleh diperhalusi supaya pelaksanaannya boleh dilaksanakan mengikut kemampuan Universiti.
- (c) Keupayaan UPM dari segi peruntukan kewangan dalam memenuhi keperluan akta seperti yang termaktub di dalam EMS UPM adalah terhad.
- (d) Pematuhan kawalan operasi bagi pengurusan sisa terjadual dan pengendalian bahan kimia boleh dipertingkatkan.

9. BILANGAN KETAKAKURAN DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

- (1) Jumlah Ketakakuran – sepuluh (10) klausa dengan **45 ketakakuran (NCR)**.
- (2) Jumlah Peluang Penambahbaikan – sembilan (9) klausa dengan **38 cadangan penambahbaikan (OFI)**.
- (3) Sepuluh (10) klausa ketakakuran yang terlibat adalah:

Jadual 1: Ketakakuran (NCR) mengikut klausa

KLAUSA	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS (%)
4.4.6	Kawalan Operasi	21	46.7
4.4.2	Kompetensi, Latihan dan Kesedaran	7	15.6
4.5.1	Pemantauan dan Pengukuran	6	13.3
4.5.4	Kawalan Rekod	3	6.7
4.4.1	Sumber, Peranan, Tanggungjawab dan Kuasa	2	4.4
4.4.7	Kesediaan Kecemasan dan Tindak Balas	2	4.4
4.3.2	Keperluan Perundangan dan Lain-lain	1	2.2
4.3.3	Objektif, Target dan Program	1	2.2
4.5.2	Penilaian Kepatuhan	1	2.2
4.5.3	Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, Tindakan Pencegahan	1	2.2
JUMLAH KESELURUHAN		45	100




Rajah 1: Penemuan Ketakakuran Mengikut Klausu

(4) Ketakakuran (NCR) mengikut proses:

Jadual 2: Penemuan Ketakakuran Mengikut Proses

PENERAJU	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS (%)
PPKKP	Pengendalian Sisa terjadual	18	40.0
PPPA	Penjimatan Elektrik	7	15.6
PPKKP	Pengurusan Bahan Kimia	6	13.3
Bursar	Penjimatan Kertas	4	8.9
PPPA	Pengurusan Kumbahan	3	6.7
Pej. Pendaftar	Latihan	2	4.4
PPKKP	Pengukuran dan Pemantauan	1	2.2
CQA	Pengurusan	1	2.2
PPUU	Penilaian Kepatuhan	1	2.2
TPU	Pengurusan Racun	1	2.2
PPKKP	Tindakan Kecemasan	1	2.2
JUMLAH KESELURUHAN		45	100




Rajah 2: Penemuan Ketakakuran Mengikut Proses

(5) Ketakakuran (NCR) mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju):

Jadual 3: Penemuan Ketakakuran Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju)

PTJ DIAUDIT	JUMLAH	PERATUS (%)
Fakulti Pertanian	8	17.8
Fakulti Kejuruteraan	5	11.1
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	5	11.1
Fakulti Sains	5	11.1
Fakulti Perhutanan	4	8.9
Fakulti Perubatan Veterinar	3	6.7
Pusat Asasi Sains Pertanian	3	6.7
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (Kampus Bintulu)	2	4.4
Pejabat Pengurusan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	2	4.4
Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	2	4.4

PTJ DIAUDIT	JUMLAH	PERATUS (%)
Pusat Jaminan Kualiti	1	2.2
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	1	2.2
Fakulti Rekabentuk dan Senibina	1	2.2
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	1	2.2
Pejabat Penasihat Undang-undang	1	2.2
Taman Pertanian Universiti	1	2.2
JUMLAH KESELURUHAN	45	100




Rajah 3: Penemuan Ketakakuran Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju)

(6) Peluang penambahbaikan (OFI) mengikut klausa adalah:

Jadual 4: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Klausa

KLAUSA	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS (%)
4.4.6	Kawalan Operasi	12	31.6
4.4.1	Sumber, Peranan, Tanggungjawab dan Kuasa	7	18.4
4.4.7	Kesediaan Kecemasan dan Tindak Balas	4	10.5
4.3.3	Objektif, Sasaran dan Program	3	7.9
4.4.5	Kawalan Dokumen	3	7.9
4.5.1	Pemantauan dan Pengukuran	3	7.9
4.2	Polisi Persekitaran	2	5.3
4.3.1	Aspek Persekitaran	2	5.3
4.4.2	Kompeten, Latihan dan Kesedaran	2	5.3
JUMLAH KESELURUHAN		38	100




Rajah 4: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Klausa

(7) Peluang penambahbaikan (OFI) mengikut proses:

Jadual 5: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Proses

PENERAJU	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Bursar	Penjimatan Kertas	8	26.7
PPPA	Penjimatan Elektrik	7	23.3
PPKKP	Pengendalian Sisa terjadual	7	23.3
CQA	Pengurusan	6	20.0
PPKKP	Pengurusan Bahan Kimia	3	10.0
PPKKP	Tindakan Kecemasan	3	10.0
PPPA	Pengurusan Kumbahan	1	3.3
Pej. Pendaftar	Latihan	1	3.3
PPKKP	Pengukuran dan Pemantauan	1	3.3
TPU	Pengurusan Racun	1	3.3
JUMLAH KESELURUHAN		38	100




Rajah 5: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Proses

(8) Peluang penambahbaikan (OFI) mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju):

Jadual 6: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju)

PTJ	JUMLAH	PERATUS (%)
Pusat Jaminan Kualiti	6	15.8
Fakulti Perhutanan	4	10.5
Fakulti Pertanian	4	10.5
Pusat Asasi Sains Pertanian	4	10.5
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	3	7.9
Fakulti Kejuruteraan	3	7.9
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	3	7.9
Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3	7.9
Fakulti Perubatan Veterinar	2	5.3
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	1	2.6
Fakulti Pengajian Alam Sekitar	1	2.6
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	1	2.6
Fakulti Rekabentuk dan Senibina	1	2.6
Fakulti Sains	1	2.6
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (Kampus Bintulu)	1	2.6
Jumlah Keseluruhan	38	100



Rajah 6: Penemuan OFI Mengikut PTJ dan Induk (Peneraju)

9. TARIKH TUTUP NCR

Dalam tempoh 21 hari bekerja atau yang telah dipersetujui Juruaudit EMS.

10. KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, EMS telah dilaksanakan di UPM berdasarkan sistem yang telah dibangunkan dan dilihat UPM bersedia menghadapi audit Badan Pensijilan. Namun begitu, UPM dilihat perlu untuk membuat penambahbaikan dari hasil penemuan audit.

Proses Audit Dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar bagi tahun 2016 ini dilihat telah dirancang dengan teliti dan telah pun dilaksanakan dengan jayanya. Bagaimanapun, pasukan juruaudit mendapati dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditambahbaik bagi memastikan Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Di antara penambahbaikan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (1) Menambahkan latihan kesedaran kepada staf berkaitan EMS;
- (2) Meningkatkan penguatkuasaan terhadap kawalan pelaksanaan EMS di kalangan Peneraju;
- (3) Melaksanakan penandaarasan dengan pihak luar contohnya Jabatan Parit dan Saliran atau industri yang telah melaksanakan EMS walaupun dari skop berbeza supaya skop EMS dan pemahaman kaedah pelaksanaan secara operasi dapat dipertingkatkan.

Disediakan oleh:

MUSLIYANA MANSOR

Ketua Juruaudit Audit Dalam EMS
Universiti Putra Malaysia